

Analisis Pewarisan Pusaka menurut Islam dalam Filem Klasik, *Tiga Abdul*

BITARA

Volume 4, Issue 3, 2021: 178-198
 © The Author(s) 2021
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Analysis on Islamic Inheritance in Malay Classic Film, *Tiga Abdul*

Mohd Khairy Kamarudin^{1*} & Irdha Rina Kamarul Bahrain²

Abstrak

Filem-filem Melayu telah memaparkan pelbagai aspek kehidupan masyarakat termasuklah berkaitan pewarisan harta pusaka. Oleh itu, kajian ini menganalisis konteks pewarisan harta pusaka dalam filem Tiga Abdul arahan Tan Sri P. Ramlee dan mengenal pasti kesahan kontrak-kontrak pewarisan ini menurut hukum Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan sosiologi sastera yang dicerakinkan dengan analisis kandungan kualitatif. Data kajian diperoleh melalui ujaran-ujaran yang berkaitan harta pusaka di dalam filem tersebut. Ujaran-ujaran ini dianalisis untuk mengenal pasti tema-tema yang dibincangkan. ‘Pengurusan harta pusaka’ dan ‘Perancangan harta pusaka’ didapati sebagai tema utama dalam filem ini. Pengurusan harta pusaka merujuk kepada tujuh subtema iaitu ‘Pengetahuan berkaitan pusaka’, ‘Tuduhan membolot harta’, ‘Wasi mempercepatkan urusan pusaka’, ‘Pembahagian yang tidak adil’, ‘Tuduhan menyebabkan kematian’, ‘Pertikaian kaedah pewarisan’ dan ‘Campur tangan pihak ketiga’. Ketujuh-tujuh tema tersebut dikenal pasti wujud selepas kematian pemilik harta. Manakala perancangan harta pusaka merangkumi ‘Galakan membuat perancangan pewarisan’, ‘Pelantikan wasi’ dan ‘Pemberian semasa hayat’. Subtema-subtema ini didapati ketika pemilik harta masih hidup dan merancang pembahagian pusaka selepas kematian. Kajian ini merupakan kajian awal terhadap elemen pewarisan yang diangkat sebagai salah satu tema dalam sesebuah filem. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu penulis skrip, pengarah dan penerbit filem untuk mengetengahkan teori dan isu pewarisan harta pusaka menurut Islam dalam kalangan masyarakat khususnya di Malaysia. Usaha ini dapat membantu memberikan maklumat benar kepada penonton mengenai kaedah pengurusan dan perancangan harta pusaka.

Kata kunci:

Harta pusaka Islam, Filem Melayu Klasik, Tiga Abdul, Pengurusan pusaka, Perancangan pusaka.

Abstract

Malay films have been illustrating various life aspects of the society including the distribution of estates among the heirs. Thus, this study analysed the estates distribution context in a Malay film titled Tiga Abdul, directed by late Tan Sri P. Ramlee and the validity of the inheritance contracts according to Islamic law. This study employed literature sociology approach which investigated with qualitative content analysis. Data from the dialogues in the film were analysed to identify the themes discussed. “Estates management” and “Estates planning” were found to be the main themes in this

¹ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor, Malaysia.

² TSI Group, Philip Wealth Planners, 50450, Kuala Lumpur, Malaysia

Corresponding Author:

MOHD KHAIRY KAMARUDIN, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor, Malaysia.

*e-mel: mohdkhairy@utm.my

film. Estates management was then detailed to seven subthemes which are ‘Knowledge on inheritance estate’, ‘Accusations on estates domination’, ‘Executor to expedite the estates management’, ‘Unfair estates distribution’, ‘Charged cased death’, ‘Arguments on methods of estate distribution’ and ‘Interference of the third party’. All these subthemes appeared after the demise of the assets’ owner. Meanwhile, the estates planning subthemes consist of ‘Encouragement to estate planning’, ‘Appointment of estates executor’ and ‘Inter vivos during Lifetime’. These subthemes were found when the assets owner was still alive and planned for the estates distribution. This study is a pioneer study which highlighted estates distribution as the main theme in a film. In addition, this study can be useful to script writers, film directors and producers who wish to focus on estates distribution issues in the society particularly in Malaysia. This can be considered as an effort to educate the audience on estates management and planning.

Keywords:

Islamic inheritance, Classic Malay Film, Tiga Abdul, Estate management, Estate planning

Cite This Article:

Mohd Khairy Kamarudin & Irdha Rina Kamarul Bahrain. 2021. Analisis pewarisan pusaka menurut Islam dalam filem klasik, *Tiga Abdul*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 178-198.

Pengenalan

Filem-filem Melayu telah bermula sejak tahun 1933 iaitu filem pertama ‘*Laila Majnun*’. Walaupun pelakon-pelakon dalam filem berkenaan berbangsa Melayu, namun penerbit, pengarah dan kebanyakannya tenaga kreatif terdiri daripada warga asing. Kemudian pada 1951 telah muncul filem pertama yang diarahkan oleh pengarah Melayu iaitu filem ‘*Pelangi*’ yang diarahkan oleh Naz Achnas. Filem-filem yang muncul ketika itu lebih berkiblatkan Hindustan. Namun pada 1955, P. Ramlee telah memecahkan tradisi ini melalui filem ‘*Penarek Becha*’ yang memaparkan realiti masyarakat Melayu. Malah filem berkenaan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai dan menunjukkan tema realiti masyarakat Melayu dekat dengan hati penonton (Muhsin Shukri & Abdullah, 2020).

Dari sudut penggunaan bahasa, filem Melayu khususnya filem Melayu klasik banyak menggunakan pelbagai bahasa kiasan dalam menyampaikan sesuatu perkara atau pesanan. Malahan, terdapat penggunaan ayat yang memerlukan pentafsiran secara tersirat. Perkara ini menunjukkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam penyampaian bahasa yang halus (Abdul Kadir & Hamzah, 2017; Mohd Zaki & Wan Zainodin, 2020; Saimon, 2021).

Filem-filem Melayu juga mempunyai pelbagai tema atau isu yang dibangkitkan. Terdapat filem yang mengetengahkan realiti sosial pada ketika itu dan jangkaan di masa akan datang seperti pergolakan politik, sosial dan ekonomi. Malah filem-filem Melayu telah mengangkat isu-isu berkaitan wanita (*Perempuan, Isteri & ...*, *Black Widow Wajah Ayu* dan *Tun Fatimah Fatimah*) (Md Noh & Muhammad, 2021; Mohd Nor & Abdullah, 2017, 2020), memperkasakan bangsa (*Anak Sarawak*) (Hamzah, Rahamad@Ahmad, & Md Syed, 2020; Lamiri & Md Dawam, 2020), patriotik (*Sarjan Hassan*) (Barnard, 2009) dan hubungan dengan alam (*Tombiruo: Penunggu Rimba*) (Abdullah, Muhsin Shukri, & Mohd Rosdi, 2021).

Selain itu, terdapat juga filem-filem yang mengangkat unsur Islam sebagai tema. Walaupun tiada definisi khusus berkaitan filem berunsurkan Islam, namun dapat difahami

filem-filem tersebut perlu berlatar belakangkan nilai-nilai Islam dalam setiap bahagian filem, teks dan kandungan filem (Yusoh, Aziz, & Ahmad, 2018). Perkara ini memberi ruang untuk mempelbagaikan medium dalam aktiviti dakwah selain melalui pembacaan surat khabar dan media sosial (Mohamad Rasit, 2012; Mohamad Rasit, Hassan, Osman, & Shahkat Ali, 2011; Mohamad Rasit & Misrom, 2016; Zainal Abidin & Mohamad Rasit, 2018).

Malah tema filem yang berunsurkan Islam semakin mendapat tempat di dunia Islam terutama di Indonesia, Iran, Turkey dan Malaysia. Filem berunsurkan Islam yang pertama ditayangkan di Tanah Melayu ialah filem ‘*Semerah Padi*’ yang mengaitkan undang-undang Islam bagi sesebuah negara (Abu Bakar, 2015; Hisham & Rahman, 2018). Filem-filem berunsurkan Islam ini juga telah mengangkat isu-isu yang berat seperti dilema wanita Islam (*Ketika Cinta Bertasbih dan Perempuan Berkalong Serban*) (Yusof, Abd Rahim, Abdul Kadir, & Md Dahlal, 2010; Yusoh & Aziz, 2017, 2018; Yusoh et al., 2018), nilai-nilai masyarakat Islam (*Bisik Pada Langit*) (Hassan & Yusoff, 2019), amalan keluarga Islam (*Nur Kasih*) (Mohamad Rasit & Misrom, 2016), perubatan Islam (*Munafik*) (Zainal Abidin & Mohamad Rasit, 2018) dan toleransi beragama (*Muallaq*) (Adnan, Ismail, & Ibrahim, 2020; Mohamad Rasit et al., 2011).

Tidak ketinggalan juga masalah pewarisan harta pusaka Islam yang menjadi isu utama dalam filem ‘*Tiga Abdul*’. Filem ini telah mengetengahkan elemen-elemen pewarisan pusaka di samping masalah hubungan kekeluargaan (Abdullah & Hamid, 2018). Namun begitu, elemen-elemen pewarisan yang dibincangkan dalam filem tersebut masih kurang dibahaskan dari sudut undang-undang dan realiti semasa. Oleh itu, kajian ini menganalisis ujaran-ujaran yang terdapat dalam filem Tiga Abdul yang diarahkan oleh Tan Sri P.Ramlee berkaitan harta pusaka dan mengenal pasti kesahan kontrak-kontrak pewarisan dari sudut Syariah dan Sivil semasa. Tambahan lagi, kajian ini dapat mengesahkan kriteria-kriteria Syariah yang perlu ada bagi sesebuah filem yang memaparkan unsur-unsur Islam (Opir et al., 2017).

Pengurusan dan Perancangan Pusaka Islam

Perbahasan harta pusaka Islam dibahagikan kepada dua tema iaitu pengurusan dan perancangan. Pengurusan harta pusaka melibatkan proses-proses untuk menuntut harta pusaka yang dilaksanakan oleh waris si mati. Secara umumnya, pengurusan harta pusaka di Malaysia melibatkan tiga agensi utama dengan bidang kuasa yang berbeza iaitu Mahkamah Sivil, Unit Pembahagian Pusaka Kecil dan Amanah Raya Berhad (Ab Rahman, Md Khalid, & Jaafar, 2019; Halim, Ahmad Bustami, Mohd Salim, & Mohd Yusoff, 2019). Perbezaan agensi ini adalah disebabkan jenis aset, dan nilai aset si mati, serta kedudukan aset yang dituntut sama ada berwasiat atau tidak berwasiat. Malah peruntukan undang-undang juga berbeza iaitu melibatkan tiga akta yang utama iaitu Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran (1959) (Abdul Rahman, Talib, Abd Ghani, Md Abdul Salam, & Abd Rahman, 2018; Abdullah, Awang, & Nor Muhammad, 2020; Zulkafli & Ahmad, 2016).

Pada masa kini, jumlah harta pusaka yang tidak dituntut mencecah RM70 bilion (Fazlul Haque, 2020). Jumlah yang tinggi ini, mendorong penyelidikan-penyelidikan yang memfokuskan kepada punca perkara ini berlaku. Menurut Mat Abdullah, Ab Rahman, Md.

Khalid, & Mat Abdullah, (2020), kepelbagaiannya bidang kuasa untuk menuntut harta pusaka menyebabkan kekeliruan waris dalam memulakan proses tuntutan pusaka. Hal ini juga menyebabkan proses tuntutan harta pusaka menjadi panjang dan memerlukan kos yang tinggi (Abdul Rahman & Hassan, 2020). Perkara ini juga disokong oleh Ab Rahman, Md Khalid, Abd Razak, & Jaafar, (2018) yang mendapati orang ramai tidak mempunyai maklumat yang jelas berkaitan proses tuntutan pusaka. Terdapat juga isu kecekapan dalam pengurusan tuntutan harta pusaka seperti yang disimpulkan oleh Abdul Rahman et al., (2018).

Pengurusan pusaka juga melibatkan peranan waris-waris untuk membahagikan harta yang ditinggalkan mengikut pembahagian faraid. Menurut Abdul Rahman et al., (2018), pengetahuan orang ramai berkaitan harta pusaka ialah pada tahap yang sederhana. Hal ini disebabkan penyebaran maklumat berkaitan harta pusaka masih di tahap yang rendah (Mohd Yusuf & Ibrahim, 2015). Pada masa yang sama, waris-waris juga menunjukkan sikap-sikap yang negatif dalam pengurusan pusaka. Sebagai contoh, Nik Wajis et al., (2018) mendapati terdapat dalam kalangan waris yang berhasrat untuk mengambil kesemua harta pusaka atau mendapatkan bahagian yang lebih banyak berbanding waris-waris yang lain. Terdapat juga waris-waris yang tidak mengambil berat pewarisan dan menangguhkan proses tuntutan (Hasbullah et al., 2021). Sebaliknya, apabila terdapat dalam kalangan waris yang cuba untuk mempercepatkan proses tuntutan pusaka, waris tersebut dianggap tidak menghormati waris (Abdul Rahman et al., 2018).

Manakala, bagi perancangan harta, terdapat beberapa instrumen yang boleh membantu pemilik harta untuk merancang pembahagian dan memudahkan waris-waris menuntut harta pusaka seperti wasiat, *wisayah*, amanah dan hibah (Kamarudin, Mohd Hashim, Jamil, & Abdul Hadi, 2019). Perancangan harta pusaka ini bergantung kepada keperluan, keadaan dan kehendak pemilik harta (Nor Muhamad, 2017). Hal ini disebabkan setiap individu mempunyai hasrat dan keperluan yang berbeza.

Wasiat merupakan kaedah pembahagian harta pusaka selepas kematian pewaris, terhad kepada 1/3 daripada jumlah harta pusaka dan penerima wasiat terdiri daripada bukan waris. Hal ini disebabkan waris-waris telah mendapat bahagian harta pusaka melalui pembahagian faraid (Halim, Mohd Noor, & Mohd Salim, 2020). Pemberian melalui wasiat dapat membantu penerima bukan waris seperti anak angkat, adik beradik yang tidak mendapat bahagian pusaka dan bertujuan kebajikan (Abdullah, Fariddudin, Nor Muhamad, & Awang, 2021). Wasiat yang ditinggalkan perlulah mematuhi kehendak undang-undang Sivil dan Syariah supaya dapat membantu waris-waris dalam pengesahan wasiat (Mohd Noor, Ismail, Mohd Noor, & Mahamood, 2018). Abdullah, Basir, Ariffin, Yusuff, & Hidayah, (2017) dan Mursidi & Khairi, (2019) mendapati pengetahuan dan kesedaran orang ramai berkaitan wasiat adalah masih rendah. Hal ini menyebabkan tidak ramai yang menulis wasiat bagi tujuan pengurusan pusaka (Abd Wahab, Hashim, & Abd Ghani, 2019; Isa, Othman, Azizan, & Mohd Daud, 2017).

Wasiat juga bertujuan untuk pelantikan wasi atau pentadbir harta pusaka yang hanya berkuat kuasa selepas kematian pewasiat (Mohd Saufi & Mohamed Said, 2020). Wasiat ini menyerupai konsep *wisayah* (Abdullah et al., 2021; Halim et al., 2020). Pelantikan ini dapat membantu waris-waris untuk menuntut pusaka melalui *grant of probate* di Mahkamah Tinggi Sivil sekali gus mempercepatkan pembahagian harta pusaka. Namun begitu Abdullah, Awang, & Nor Muhamad, (2020) dan Romli & Mat Zain, (2020) berpendapat, wasi yang dilantik perlu

mempunyai kelayakan dan kredibiliti dalam menguruskan harta. Hal ini diperlukan bagi mengelakkan pembahagian yang tidak adil kepada waris-waris yang lain.

Selain wasiat dan *wisayah*, terdapat kaedah pembahagian harta melalui kaedah amanah (*trust*) yang menggunakan kontrak sivil. Menurut Abdullah, Awang, & Nor Muhammad, (2020), kontrak ini membolehkan seseorang individu menyediakan satu amanah semasa hayat bagi manfaat diri sendiri atau manfaat orang lain. Kontrak ini boleh terlaksana melalui wasiat atau Surat Ikatan Amanah (*Trust Deed*). Kontrak ini lebih berbentuk bantuan iaitu seseorang individu mendapatkan pertolongan individu yang lain untuk menjalankan sesuatu urusan tanpa sebarang balasan (Mohamed Said, Wan Ayub, Muda, Yusoff, & Mohd Kashim, 2019).

Untuk pembahagian harta semasa hayat, pada masa kini, hibah merupakan instrumen yang sering dibahaskan. Hibah merupakan pemberian sesuatu harta semasa hayat kepada individu yang dikehendaki dan tidak tertakluk kepada had harta (Kamarudin & Nor Muhammad, 2017). Oleh sebab pemberian dijalankan semasa hayat, harta tersebut tidak tertakluk dengan pembahagian faraid (Kambol, 2019). Hibah telah diiktiraf sebagai kaedah pengagihan harta (Hassan & Mohamad Zaizi, 2020) dan menjadi amalan bagi masyarakat kerana menurut Azmi, Nik Saleh, & Zakaria, (2020), terdapat banyak kes-kes pengesahan hibah yang didaftarkan di Mahkamah Syariah. Kesahan hibah juga perlu dibuat supaya instrumen tersebut boleh dikuatkuasakan melalui perintah Mahkamah (Adli & Mohamed Said, 2018; Mohd Nor, Wan Ismail, Abdul Mutalib, Baharuddin, & Hashim, 2018; Mohd Sa'afie & Muda, 2018).

Pada masa kini, terdapat instrumen perancangan harta yang menggabungkan kontrak amanah dan hibah. Kaedah ini membenarkan pembuat amanah (*Settlor*) untuk memilih waris selepas kematiannya tanpa tertakluk kepada pembahagian faraid (Azhar, 2018; Halim & Ahmad Bustami, 2017; Hassan & Mohamad Zaizi, 2020; Noordin, Ismail, Abd Rahman, Haron, & Abdullah, 2016). Melalui produk ini, urusan yang melibatkan harta yang diamanahkan adalah tertakluk kepada Surat Ikatan Amanah dan harta tersebut perlu diserahkan kepada pemegang amanah. Selepas kematian pemilik harta atau *Settlor*, pemegang amanah boleh bertindak sebagai bagi pihak pemberi iaitu memberikan harta yang diamanahkan tersebut kepada penerima melalui Surat Kuasa Wakil (*Power of Attorney*) (Mohd Saufi & Mohamed Said, 2020).

Metodologi Kajian

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sosiologi sastera yang dicerakinkan dengan analisis kandungan kualitatif (Hsieh & Shannon, 2005). Analisis ini merupakan satu teknik mengumpul dan menganalisis kandungan teks untuk menghasilkan data mengikut ciri-ciri tertentu seperti perkataan, makna, idea, tema atau sebarang mesej yang disampaikan (Robertson, Lord Ferguson, Eriksson, & Näppä, 2019). Analisis ini juga telah banyak diaplikasikan dalam kajian-kajian bertemakan filem seperti kajian yang dijalankan oleh Abdullah et al., (2021), Mohd Suharta & Ahmad, (2018) dan Zainal Abidin & Mohamad Rasit, (2018).

Bahan Kajian

Kajian ini menggunakan petikan ujaran bagi filem arahan Tan Sri P. Ramlee iaitu Tiga Abdul yang diterbitkan pada 1969 oleh Malay Film Production. Filem ini berlatarkan Turki namun menceritakan masalah masyarakat di Tanah Melayu (Md Yunus, 2021). Filem ini sinonim dengan perbahasan harta pusaka kerana isu pewarisan ini telah dibincangkan pada peringkat awal filem ini iaitu sebelum dan selepas kematian Ismet Ulam Raja.

Sinopsis Ringkas Berkaitan Harta Pusaka

Filem ini mengisahkan Ismet Ulam Raja, seorang hartawan yang memiliki tiga orang anak lelaki iaitu Abdul Wahab, Abdul Wahib dan Abdul Wahub. Ismet Ulam Raja digambarkan sebagai seorang yang mempunyai banyak harta dan terlalu sibuk sehingga mengabaikan kesihatannya. Pada sambutan ulang tahun kelahiran, Ismet Ulam Raja terjatuh ketika memotong kek. Doktor yang merawat meminta beliau untuk mendapatkan rawatan di hospital, namun ditolak oleh Ismet Ulam Raja. Sedang Ismet Ulam Raja dirawat, Abdul Wahab dan Abdul Wahib asyik membincangkan pembahagian harta pusaka ayahnya sehingga kematian ayahnya. Selepas kematian Allahyarham, abang yang sulung iaitu Abdul Wahab mengagihkan harta pusaka mengikut keinginannya bersama Abdul Wahib. Pembahagian harta tersebut menyebabkan adik bongsu iaitu Abdul Wahub berasa dizalimi dan bertindak memutuskan tali persaudaraan bersama abang-abangnya (Hanafiah, 2006).

Prosedur Kajian

Analisis data dijalankan menggunakan analisis tema terhadap ujaran-ujaran yang terdapat di dalam filem ini. Ujaran-ujaran ini diperoleh daripada Transkrip Filem P. Ramlee oleh Hanafiah, (2006). Proses pengumpulan data dimulakan dengan pembacaan ujaran filem Tiga Abdul secara berasingan oleh penyelidik. Daripada keseluruhan ujaran tersebut, penyelidik mengasingkan ujaran-ujaran yang berkaitan dengan harta pusaka. Kemudian, kedua-dua penyelidik membandingkan ujaran-ujaran yang dipilih. Perbincangan dijalankan bagi meneliti ujaran yang boleh dianalisis dan ujaran yang perlu digugurkan. Ujaran yang dipilih kemudian dianalisis untuk mengenalpasti tema-tema yang dibincangkan dalam filem berkenaan. Tema-tema yang telah dikenal pasti, dibincangkan untuk mendapat persetujuan dalam kalangan penyelidik.

Dapatan Kajian

Terdapat 11 ujaran yang telah dipilih dan dianalisis. Sebanyak dua tema yang dikenal pasti berkaitan perbincangan tentang harta pusaka iaitu ‘Pengurusan harta pusaka’ dan ‘Perancangan harta pusaka’.

Tema 1 - Pengurusan Harta Pusaka

Pengurusan harta pusaka ini merangkumi kaedah dan masalah-masalah yang timbul selepas kematian pemilik harta. Berdasarkan ujaran yang terdapat dalam filem ini, kajian ini membahagikan tema ini kepada tujuh subtema.

a. Subtema 1 - Pengetahuan Berkaitan Pusaka

Kajian ini mendapati dua ujaran yang menunjukkan elemen pengetahuan berkaitan pusaka. Ujaran ini melibatkan dua watak iaitu Abdul Wahab dan Abdul Wahib. Ujaran-ujaran ini menunjukkan kedua-dua waris itu berpaktat untuk membahagikan pusaka. Ujaran 1 menunjukkan Abdul Wahab berhasrat untuk mengambil semua bahagian harta pusaka. Sebaliknya ujaran 2 menunjukkan hasrat Abdul Wahib untuk mendapatkan semua bahagian pusaka. Dapat disimpulkan, perkara ini menunjukkan pengetahuan yang kurang dalam kalangan waris Ismet Ulam Raja. Mereka berpaktat sesama sendiri untuk membahagikan harta pusaka tanpa melibatkan Abdul Wahub dan bertentangan dengan pembahagian faraid.

Abdul Wahib: Dr. Zain memberi pengakuan, penyakit ayahanda bertambah berat. (Nada berbisik) Itu ada harapan mati. Jikalau ayahanda mati, segala harta-hartanya terpulang kepada siapa?

Abdul Wahab: Pada kekandalah... kerana kekanda saudara tua. (Ujaran 1)

Abdul Wahib: Kanda, adinda rasa, lebih baik kita bahagikan harta-harta ini secara demokrasi.

Abdul Wahab: Bagaimana?

Abdul Wahib: Begini, kanda yang lebih tua.

Abdul Wahab: (Angguk) Hmm..

Abdul Wahib: Kanda mesti mengalah. Kanda akan mati dulu. Adinda akan tanam kanda.

Abdul Wahab: Hmm..

Abdul Wahib: Kanda jangan ambil satu senpun, harta ayahanda. Dermakan semuanya pada adinda bulat-bulat. Haaa... itu namanya demokrasi. (Ujaran 2)

b. Subtema 2 - Tuduhan Membolot harta

Tuduhan membolot harta ditimbulkan oleh Abdul Wahub. Hal ini merujuk kepada ujaran 1 dan ujaran 2 yang menunjukkan kedua-dua abangnya berpaktat untuk membahagikan harta pusaka tanpa melibatkan Abdul Wahub.

Abdul Wahub: Jikalau ayahanda tak dikirim ke hospital, ayahanda akan mati! (berang memandang kedua kandanya). Ya! kanda berdua memang suka kalau ayahanda mati, sebab kanda berdua boleh membolot segala harta-harta. Bukan? (Ujaran 3)

c. *Subtema 3 - Wasi Mempercepatkan Urusan Pusaka*

Terdapat unsur positif yang ditunjukkan oleh waris-waris Ismet Ulam Raja iaitu mempercepatkan urusan pusaka. Perkara ini ditunjukkan oleh ujaran 4 oleh Abdul Wahab dan Abdul Wahib.

Abdul Wahib: Sekarang ayahanda sudah mati, berapa bahagian dinda?

Abdul Wahab: Adinda akan dapat lebih dari Abdul Wahub.

Abdul Wahib: Berapa?

Abdul Wahab: Hmm.... (mengira jari) tiga, empat, entahlah. Sekarang jugak kekanda akan pegi kira. (Ujaran 4)

d. *Subtema 4 -Pembahagian Yang Tidak Adil*

Walaupun ujaran 4 menunjukkan waris-waris menyegerakan pembahagian pusaka, namun begitu kajian ini mendapati pembahagian tersebut dijalankan secara tidak adil. Hal ini disebabkan pembahagian harta dilihat lebih banyak kepada Abdul Wahab dan Abdul Wahib berbanding Abdul Wahub. Hal ini ditunjukkan jumlah harta yang diwarisi oleh Abdul Wahab ialah sebanyak 5 juta Pound Sterling dan Abdul Wahib mewaris 4.5 juta Pound Sterling. Sebaliknya, Abdul Wahub hanya mendapat sebuah rumah pusaka sahaja.

Abdul Wahab: Wahai adindaku Abdul Wahib dan Abdul Wahub. Kekanda memanggil kamu kemari ialah untuk membahagikan segala harta-harta. Segala wang tunai ayahanda yang ada di dalam bank, terpulang kepada adinda Abdul Wahib.

Abdul Wahib: Berapa banyak wang ayahanda tu?

Abdul Wahab: O...banyak! Empat juta lima ratus ribu pound sterling.

Abdul Wahib: 4 juta? Wow! Adinda setuju!

Abdul Wahab: Segala kebun-kebun, ladang-ladang dan estet-estet, factory-factory dan kilang-kilang, rumah-rumah sewa dan jugak stable lumba-lumba kuda, (menepuk dada) terpulang kepada kekanda.

Abdul Wahib: Berapa jumlahnya tu?

Abdul Wahab: Oh, tidak begitu banyak. Cuma 5 juta pound sterling saja.

Abdul Wahib: Adinda setuju. Adil! Kanda memang adil. Tak disangka-sangka.

Abdul Wahub: Buat adinda Abdul Wahub, akan diserahkan rumah yang indah dan permai ini pada adinda.

Abdul Wahub: O.. rumah yang macam muzium ini? .Hmm, keputusan kanda memang adil, memang bijak. Kanda berdua memperolehi lima enam juta pound sterling tiap-tiap seorang dan adinda (memandang siling) hanya dapat sebuah rumah yang bakal runtuh lagi dua tiga tahun. Hmm... memang bagus. (Keras) Ini tidak adil! (Ujaran 5)

e. *Subtema 5 - Tuduhan Menyebabkan Kematian*

Ujaran 6 menunjukkan Abdul Wahab menuduh Abdul Wahub menyebabkan kematian Ismet Ulam Raja. Tuduhan tersebut berasaskan kepada saranan Abdul Wahub yang meminta Ismet Ulam Raja untuk mendapatkan rawatan lanjut di hospital. Oleh kerana itu, Abdul Wahab berpendapat, Abdul Wahub tidak layak mendapat sebarang harta pusaka Ismet Ulam Raja.

Abdul Wahab: Kalau nak diikutkan... adinda satu senpun tak boleh dapat!

Abdul Wahub: (Keras) Sebab?

Abdul Wahab: Adindalah yang menyebabkan kematian ayahanda.

Abdul Wahub: O...sebut pasal hospital saja, harta semua kena potong...ya? Hmm! hmmp! (Ujaran 6)

f. *Subtema 6 - Pertikaian Kaedah Pewarisan*

Lanjutan daripada kaedah pembahagian yang dilakukan oleh Abdul Wahab, kajian ini mendapati Abdul Wahub tidak bersetuju dengan pembahagian tersebut. Pada masa yang sama, ujaran 7 menunjukkan Abdul Wahub menarik diri daripada pewarisan harta pusaka Ismet Ulam Raja. Lebih mengeruhkan keadaan, Abdul Wahub memutuskan tali persaudaraan dengan Abdul Wahab dan Abdul Wahib.

Abdul Wahub: O...sebut pasal hospital saja, harta semua kena potong...ya? Hmm! hmmp! dinda tak sangka yang kanda berdua mempunyai hati yang (keras) sungguh busuk! Baiklah, kanda boleh ambil semua harta ayahanda. Dinda tidak mau satu senpun. Tapi ingat! (berdiri) Mulai hari ini, kita bertiga putus saudara. (Ujaran 7)

g. *Subtema 7 - Campur Tangan Pihak Ketiga*

Campur tangan pihak ketiga terdapat di dalam Ujaran 8 iaitu khadam berpendapat bahawa pembahagian yang dilakukan oleh Abdul Wahab (ujaran 5) adalah tidak adil. Namun begitu, cadangan yang diberikan oleh khadam telah ditolak oleh Abdul Wahab dengan menyatakan khadam tersebut tidak layak memberikan sebarang pandangan.

Khadam: (Mencelah) Tuan Abdul Wahab, keputusan yang semacam ini tidak adil, Tuan.

Abdul Wahab: (Keras) Diam! Kau cuma seorang khadam sahaja. (Khadam terus menaiki tangga) (Ujaran 8)

Tema 2 - Perancangan Harta Pusaka

Manakala ‘Perancangan harta pusaka’ merujuk kepada persepsi terhadap perancangan dan kaedah perancangan. Kajian ini membahagian tema ini kepada 3 subtema iaitu ‘Galakan untuk membuat perancangan pewarisan’, ‘Pelantikan wasi’ dan ‘Pemberian semasa hayat’.

a. Subtema 1 - Galakan Membuat Perancangan Pewarisan

Berdasarkan ujaran 9, Abdul Wahib telah meminta Ismet Ulam Raja untuk menyatakan waris-waris yang bakal mendapat harta pusaka. Walaupun terdapat tentangan daripada Abdul Wahub kerana dilihat tidak beradab di hadapan Ismet Ulam Raja. Namun begitu, Ismet Ulam Raja telah menyatakan hasrat melantik Abdul Wahab sebagai wasi atau pentadbir pusaka dengan merujuk Ujaran 10.

Abdul Wahib: Ayahanda, kalau ayahanda mati, siapakah yang akan mewarisi semua harta?
Abdul Wahub: Mengapa kekanda terlalu biadap sekali bertanya soal ini di hadapan ayahanda?
Abdul Wahab: Itu bukan soal biadap Abdul Wahub. Kekanda berdua cuma ingin tahu sahaja.
Abdul Wahub: (Keras) Kanda jugak memang sama! Kanda berdua memang sama! Sejak dari tadi lagi kanda berpaket-pakat, demokrasi terpimpinlah! Dictatorlah! Bukan adinda tak tau! (Ujaran 9)

b. Subtema 2 - Pelantikan Wasi

Pelantikan wasi telah diutarakan oleh Ismet Ulam Raja dengan merujuk kepada ujaran 10. Hal ini lanjutan daripada saranan Abdul Wahib di dalam Ujaran 9. Ujaran 10 ini menunjukkan Ismet Ulam Raja telah melantik Abdul Wahab atas alasan Abdul Wahab merupakan anak sulung.

Ismet: (Tinggi) Sudah! Sudah! Sudah! Sudah! Jangan bergaduh. Anakanda bertiga ini tak ubah macam anjing dengan kucing. Dari kecil sampai dewasa, tak berhenti-henti asyik dengan bergaduh saja. Dengar sini, kalaularah ayahanda mati, harta-harta ini ayahanda akan serahkan kepada Abdul Wahab, sebab dia yang tua. Abdul Wahab akan membahagi-bahagikan harta itu kepada Abdul Wahib dan Abdul Wahub. (Ujaran 10)

c. Subtema 3 -Pemberian Semasa Hayat

Ujaran 11 menunjukkan pemberian semasa hayat yang telah dilakukan oleh Ismet Ulam Raja. Hal ini dibuktikan dengan pelantikan Suleiman Akhlaken dalam menguruskan pemberian harta miliknya kepada Abdul Wahub. Pemberian ini membolehkan Abdul Wahub mendapat harta-harta Ismet Ulam Raja yang di luar negara.

Suleiman: Ya, keterangan ini benar. (Menyerahkan passport) Tuan Abdul Wahub, sebelum Allahyarham Ismet Ulam Raja meninggal dunia, ia telah meninggalkan sebahagian besar dari hartanya kepada Tuan.

Abdul Wahub: Harta? Mana ada lagi Tuan. Harta-hartanya semua telah ditipu oleh kanda saya, Abdul Wahab dan Abdul Wahib.

Suleiman: Oh, itu harta dari dalam negeri, tetapi harta ini ialah di luar negeri seperti Cairo, Saudi Arabia, Teheran, Afghanistan dan banyak lagi di negara-negara Asia.

Abdul Wahub: Berapakah tafsir harta-harta itu, Tuan?

Suleiman: Oh, banyak sangat, ada lebih kurang lima belas juta pound sterling. (Ujaran 11)

Perbincangan

Ujaran 1 menunjukkan Abdul Wahib tidak mempunyai ilmu tentang pembahagian harta pusaka. Oleh kerana itu, Abdul Wahib telah bertanya dan merujuk abangnya, iaitu Abdul Wahab. Abdul Wahab pula membuat andaian sendiri dan berpendapat usia yang lebih tua mendapat keutamaan dalam pembahagian harta pusaka. Perkara ini menunjukkan Abdul Wahab juga tidak mempunyai ilmu tentang pembahagian harta pusaka. Kesilapan Abdul Wahib merujuk pihak yang tidak mempunyai ilmu yang tepat tentang pembahagian harta pusaka menggambarkan realiti masyarakat pada ketika itu yang merujuk pihak yang salah dan bukan ahlinya. Begitu juga tanggapan Abdul Wahab bahawa usia yang paling tua mempunyai hak keutamaan dalam pembahagian harta pusaka. Perkara ini menggambarkan tanggapan bahawa anak lelaki yang sulung mempunyai kuasa dalam menguruskan dan membuat keputusan dalam pembahagian harta pusaka.

Di dalam Ujaran 2 pula, Abdul Wahib meminta Abdul Wahab mengalah dan menyerahkan segala harta Ismet Ulam Raja kepadanya dan menamakan kaedah tersebut sebagai demokrasi. Perbuatan ini seumpama Abdul Wahib meminta Abdul Wahab supaya *takharruj* iaitu melepaskan bahagian faraid kepada Abdul Wahib. *Takharruj* merupakan sebahagian daripada kaedah pembahagian pusaka iaitu waris-waris menarik diri secara suka rela daripada mewarisi harta pusaka si mati. Waris tersebut boleh menarik diri dengan syarat mendapat imbalan daripada harta yang lain atau tanpa balasan (Ahmad, 2017). Abdul Wahib berpendapat, beliau lebih layak menerima harta pusaka berbanding abangnya kerana Abdul Wahib menganggap orang yang lebih tua akan meninggal dunia dahulu. Hal ini juga gambaran yang terdapat di dalam masyarakat iaitu seringkali individu merasakan orang yang lebih tua akan meninggal dunia dahulu berbanding golongan yang berusia muda. Perkara ini turut menjadi salah satu sentimen dalam masyarakat yang berpendapat perancangan harta pusaka hanya perlu dibuat oleh mereka yang lanjut usia kerana mereka yang lanjut usia lebih hampir kepada kematian. Walhal, kematian itu boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira usia tua atau muda.

Secara kesimpulannya, Ujaran 1 dan 2 menunjukkan Abdul Wahib dan Abdul Wahab tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang pembahagian harta pusaka. Malahan, sifat tamak di dalam diri masing-masing membuatkan mereka mencari alasan untuk menguasai harta Ismet Ulam Raja. Masalah ini berlaku kerana kekurangan ilmu dalam pengurusan harta pusaka dan pembahagian harta pusaka serta merujuk pihak yang tidak berautoriti. Anak yang sulung atau waris yang paling berusia dianggap dominan dan memperolehi bahagian harta pusaka yang lebih, serta mempunyai kuasa untuk membuat keputusan kerana menganggap orang yang paling berusia perlu dihormati dan ditaati. Begitu juga sifat tamak terhadap harta boleh membuatkan seseorang individu mencari alasan untuk memastikan hasrat mereka membolot segala harta agar terlaksana.

Secara umumnya, di dalam filem ini, Ismet Ulam Raja hanya meninggalkan tiga orang waris iaitu terdiri daripada tiga orang anak lelaki yang bernama Abdul Wahab, Abdul Wahib dan Abdul Wahub. Isteri Ismet Ulam Raja telah lama meninggal dunia sebelum Ismet Ulam Raja. Mengikut hukum pewarisan yang betul, setelah diselesaikan perbelanjaan pengebumian jenazah, dilangsaikan segala hutang piutang dan ditunaikan wasiat (sekiranya ada), segala harta

pusaka yang ditinggalkan oleh Ismet Ulam Raja wajib dibahagikan kepada semua waris mengikut hukum faraid. Di dalam situasi pusaka Ismet Ulam Raja ini, pembahagian mengikut faraid ialah dengan membahagikan harta kepada ketiga-tiga anak Ismet Ulam Raja. Oleh sebab Ismet Ulam Raja meninggalkan anak lelaki sahaja, kesemua anak-anak Ismet Ulam Raja akan mendapat bahagian yang sama rata iaitu Abdul Wahab sebanyak $\frac{1}{3}$, Abdul Wahib sebanyak $\frac{1}{3}$ dan Abdul Wahub sebanyak $\frac{1}{3}$. Perkara ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Pembahagian faraid bagi kes Ismet Ulam Raja

Waris	fardhu	Asal masalah	Tashih
Abdul Wahab	Asabah	3	1/3
Abdul Wahib			1/3
Abdul Wahub			1/3

Oleh itu, masalah pengetahuan berkaitan harta pusaka perlu diberikan penekanan. Pada masa kini, waris-waris boleh mendapatkan maklumat dengan mudah iaitu melalui internet (Nasrul & Mohd Salim, 2018). Ilmu-ilmu berkaitan pengurusan pusaka juga boleh disebarluaskan melalui media sosial seperti penyebaran maklumat berkaitan pengiraan faraid, fungsi penama, hibah dan wasiat. Kaedah ini mampu meningkatkan pengetahuan orang ramai berkaitan ilmu pengurusan dan perancangan pusaka. Hal ini disebabkan sosial media telah menjadi medium penyampaian maklumat yang pantas dan meluas (Kamarudin et al., 2018). Terdapat juga usaha untuk memudahkan proses tuntutan pusaka melalui penubuhan Pusat Sehenti Pusaka seperti yang dicadangkan oleh Ab Rahman et al., (2018, 2019) dan Tajul Urus, Yusoff, Salleh, Muhammad Serji, & Mohd Yusof, (2020).

Mengambil cadangan ini, Hasbullah et al., (2021) telah mengutarakan Model Faraid One-Stop Centre (FOSC). Model ini melibatkan lima agensi iaitu Faraid USIM Consultant (FUSACA), Amanah Raya Berhad, Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Majlis Agama Islam Negeri dan Agensi Guaman dan Perundingan, Model FOSC ini bertujuan memberikan khidmat nasihat kepada waris-waris berkaitan pengurusan harta pusaka. Melalui agensi ini juga dapat memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada orang ramai terhadap kepentingan pengurusan pusaka. Dari sudut penyebaran ilmu berkaitan pengurusan dan perancangan harta pusaka di peringkat pengajian tinggi, telah terdapat beberapa institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan kursus ini (Sulong & Ismail, 2020).

Sebagai contoh, di peringkat Ijazah Sarjana Muda, terdapat tujuh universiti yang menawarkan kursus ini iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra. Penawaran kursus ini adalah bagi program-program seperti Sarjana Muda Syariah, Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman, Sarjana Muda Pengajian Islam

dan Sarjana Muda Kewangan Islam. Perkara ini juga menunjukkan telah berlaku penyebaran ilmu berkaitan harta pusaka di peringkat pengajian tinggi.

Manakala, tuduhan membolot harta pusaka oleh Abdul Wahub kepada kedua-dua abangnya dilihat berasas kerana Abdul Wahab dan Abdul Wahib telah berpaktat untuk membahagikan harta pusaka sesama mereka tanpa melibatkan Abdul Wahub. Hal ini dapat dibuktikan dengan Ujaran 1 dan Ujaran 2. Namun dari sudut pewarisan, tuduhan ini tidak membantu dalam urusan pembahagian pusaka, malah boleh menyebabkan keretakan hubungan kekeluargaan. Oleh itu, waris-waris perlu bersabar dan saling bekerjasama dalam memudahkan urusan pembahagian harta pusaka. Kajian ini mengukuhkan pandangan Abdul Rahman, Ngah, Mustaffa, Abdul Mutalib, & Hamzah, (2016) dan Nik Wajis et al., (2018) yang berpendapat terdapat dalam kalangan waris yang berhasrat untuk mengambil semua bahagian pusaka tanpa mengagihkan kepada waris-waris lain yang layak.

Seterusnya, Abdul Wahab telah mula bertindak untuk mengagihkan harta pusaka sejurus pengebumian. Hal ini selaras dengan Ujaran 10, yang menunjukkan Ismet Ulam Raja telah melantik Abdul Wahab sebagai wasi. Wasi atau *wisayah* merupakan individu yang dilantik untuk menguruskan harta pusaka selepas kematian pemilik harta (Mohd Saufi & Mohamed Said, 2020). Hal ini tidak bertentangan dengan konsep pewarisan pusaka kerana tindakan mempercepatkan pembahagian pusaka dapat mengelakkan harta pusaka terbeku dan dituntut dalam Islam seperti yang dicadangkan oleh Abdullah et al., (2021) dan Halim et al., (2020).

Kajian ini mendapati kaedah pembahagian yang dilakukan oleh Abdul Wahab adalah bertentangan dengan kaedah pembahagian faraid. Dengan andaian, rumah yang dicadangkan untuk Abdul Wahub bernilai 3 juta Pound Sterling. Maka jumlah harta pusaka yang ditinggalkan oleh Ismet Ulam Raja ialah sebanyak 12 juta Pound Sterling. Namun, kaedah pembahagian Abdul Wahab menunjukkan Abdul Wahab menerima bahagian yang paling sedikit iaitu sebanyak 3 juta Pound Sterling. Sebaliknya dalam pengiraan faraid, setiap waris akan mendapat sebanyak harta yang berjumlah 4 juta Pound Sterling, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Selain itu, pembahagian pusaka mengikut ketetapan Abdul Wahab, boleh dilaksanakan jika Abdul Wahib dan Abdul Wahub bersetuju. Namun begitu, Ujaran 7 menunjukkan Abdul Wahub tidak bersetuju dengan kaedah pembahagian yang ditetapkan oleh Abdul Wahab. Malah Ujaran 8 menunjukkan khadam cuba menasihati Abdul Wahab akan pengagihan yang tidak adil ini.

Jadual 2. Pembahagian harta Ismet Ulam Raja mengikut pembahagian faraid

Waris	fardu	Asal masalah	Tashih	Jumlah harta yang didapati
Abdul Wahab	Asabah	3	1/3	4 Juta Pound Sterling
Abdul Wahib			1/3	4 Juta Pound Sterling
Abdul Wahub			1/3	4 Juta Pound Sterling

Tuduhan menyebabkan kematian boleh merupakan satu elemen penting di dalam pewarisan. Berpandukan Ujaran 6, Abdul Wahab telah menuduh Abdul Wahub menyebabkan kematian Ismet Ulam Raja. Hal ini disebabkan Abdul Wahub telah mencadangkan kepada Ismet Ulam Raja untuk mendapatkan rawatan di hospital. Tindakan tersebut telah menyebabkan pertelingkahan dan cuba dilerakan oleh bapanya seperti yang terdapat di dalam Ujaran 10. Tuduhan menyebabkan kematian ini boleh mengakibatkan hak Abdul Wahub untuk mewarisi harta pusaka Ismet Ulam Raja digugurkan. Hal ini disebabkan menurut pandangan jumhur, pembunuhan tidak boleh mewarisi pusaka sama ada pembunuhan sengaja atau tidak sengaja (Abdul Kadir, 2014; Mohamed, Taha, Jusoh, & Mohd Burhan, 2019). Namun begitu, tuduhan ini perlu mendapatkan pengesahan mahkamah kerana mahkamah mempunyai kuasa untuk menyiasat dan menentukan kesahihan tuduhan Abdul Wahab. Jika mahkamah mengesahkan tuduhan tersebut, maka Abdul Wahub tidak layak mendapat bahagian pusaka Ismet Ulam Raja. Lanjutan daripada pembahagian yang dilakukan oleh Abdul Wahab, Abdul Wahub tidak setuju dengan kaedah tersebut. Namun pada masa yang sama, Abdul Wahub menarik diri atau *takharruj*. Terdapat unsur keredhaan walaupun diakhir ujaran ini menunjukkan Abdul Wahub memutuskan tali persaudaraan. Hal ini membuktikan, jika harta pusaka tidak uruskan dengan baik dan adil, akan mengakibatkan putus silaturrahim seperti yang diutarakan oleh Abdul Rahman et al., (2018).

Dari sudut campur tangan daripada pihak ketiga, terdapat kemungkinan pihak tersebut mempunyai kepentingan dalam pewarisan. Campur tangan ini boleh terjadi dalam bentuk positif atau negatif. Kajian ini mendapati campur tangan positif melalui Ujaran 8 oleh Khadam yang berpendapat pembahagian pusaka yang diketuai oleh Abdul Wahab dan Abdul Wahib adalah tindak adil dan bertentangan dengan pembahagian faraid. Namun begitu, terdapat juga campur tangan negatif iaitu menghasut waris-waris tertentu untuk membahagikan pusaka secara tidak adil. Hal ini akan mengakibatkan pertelingkahan dalam kalangan waris dan seterusnya menyukarkan pembahagian pusaka.

Terdapat elemen galakan untuk membuat perancangan pewarisan. Perancangan harta pusaka dapat membantu waris-waris menguruskan harta pusaka. Hal ini dapat dibuktikan melalui Ujaran 10 yang menunjukkan Ismet Ulam Raja telah melantik Abdul Wahab sebagai wasi atau pentadbir harta pusaka. Wasi yang dilantik perlu menjalankan amanah yang diberikan iaitu menguruskan harta pusaka (Abdullah, Awang, & Nor Muhammad, 2020). Walaupun berlaku ketidakadilan dalam pembahagian dengan merujuk Ujaran 5, namun Abdul Wahab telah menyegearkan pembahagian harta pusaka tersebut dengan merujuk Ujaran 4. Kajian ini mencadangkan supaya wasi-wasi yang dilantik hendaklah dipilih daripada individu yang berkelayakan dan berintegiriti dalam pengurusan pusaka. Hal ini dapat mengelak ketidakadilan dalam pembahagian pusaka.

Di sebalik itu, Ismet Ulam Raja telah membuat perancangan harta pusaka semasa hayat dengan andaian Ismet Ulam Raja menggunakan sama ada instrumen Amanah Hayat atau Hibah Amanah. Peranan Suleiman Akhlaken di dalam filem ini adalah seperti praktis yang dilaksanakan oleh Syarikat-syarikat Amanah di Malaysia pada masa kini dan juga dalam kes pengamanahan untuk memberikan harta kepada individu bawah umur iaitu 18 tahun seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 11, Akta Kontrak 1950 dan Seksyen 2, Akta Umur Dewasa 1971 (Abdullah, Awang, & Nor Muhammad, 2020). Yang membezakan filem ini dari sudut

undang-undang di Malaysia ialah Suleiman Akhlaken bertindak atas kapasiti individu yang mempunyai firma guaman sendiri, manakala Syarikat Amanah pula adalah perbadanan amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 yang mempunyai kuasa untuk memegang harta dan mengendalikan harta bagi pihak individu dewasa maupun bawah umur.

Melalui instrumen Amanah Hayat, Ismet Ulam Raja sebagai *Settlor* telah menyerahkan hartanya kepada Suleiman Akhlaken sebagai pemilik berdaftar dan melantik beliau sebagai *trustee* atau pemegang amanah. Pelantikan ini dibuat melalui kontrak *Trust Deed* atau Surat Ikatan Amanah. Kontrak ini ditandatangani oleh Ismet Ulam Raja sebagai *Settlor* dan Suleiman Akhlaken sebagai Pemegang Amanah. Tandatangan dan akad penerimaan daripada benefisiari atau penerima iaitu Abdul Wahub tidak diperlukan bagi tujuan ini. Hal ini dapat dibuktikan bahawa Abdul Wahub tidak mengetahui kewujudan harta tersebut dan tidak mengetahui perancangan harta yang telah dibuat oleh Ismet Ulam Raja semasa Hayat. Melalui Surat Ikatan Amanah ini, secara praktisnya, Suleiman sebagai Pemegang Amanah perlu menjalankan amanah yang diberikan oleh *Settlor* apabila berlakunya ‘*triggering event*’ iaitu kematian Ismet Ulam Raja.

Selain dari Amanah Hayat, dapat diandaikan juga berkemungkinan Ismet Ulam Raja membuat Hibah Amanah melalui dokumen Deklarasi Hibah atau Surat Ikatan Hibah bersama instrumen Surat Kuasa Wakil (*Power of Attorney*) dengan melantik Sulaiman Akhlaken sebagai Pemegang Amanah Gantian di dalam Deklarasi Hibah dan sebagai Pemegang Kuasa Wakil di dalam Surat Kuasa Wakil. Ismet Ulam Raja pula bertindak sebagai Pemegang Amanah Utama yang juga Pemberi Hibah di dalam Deklarasi Hibah atau Surat Ikatan Hibah dan sebagai Pemberi Kuasa di dalam dokumen Surat Kuasa Wakil. Oleh sebab Abdul Wahub tidak mengetahui kewujudan harta dan perancangan yang dibuat oleh Ismet Ulam Raja, dapat diandaikan bahawa hibah ini dibuat secara mutlak dan bukan secara hibah bersyarat (*ruqba*) yang memerlukan persetujuan Abdul Wahub untuk mengembalikan harta hibah kepada Ismet Ulam Raja sekiranya Abdul Wahub sebagai penerima hibah meninggal dunia dahulu sebelum Ismet Ulam Raja. Dalam erti kata lain, tiada *aqad* penerimaan oleh Abdul Wahub di dalam Deklarasi Hibah atau Surat Ikatan Hibah ini. Manakala, *qabd* (penguasaan) bagi harta tersebut disempurnakan oleh Pemegang Amanah bagi pihak penerima hibah (Azhar & Md.Nor, 2019). Perkara ini telah diamalkan oleh Syarikat Amanah di dalam menyediakan dokumen Hibah pada masa kini. Berdasarkan Ujaran 11, menunjukkan Suleiman Akhlaken telah melaksanakan amanah tersebut dengan menyerahkan harta yang telah diamanahkan kepada Abdul Wahub. Hal ini telah diperaktiskan pada masa kini di syarikat-syarikat perancangan harta pusaka (Azhar, 2018; Mohd Saufi & Mohamed Said, 2020).

Kesimpulan

Filem Melayu telah memaparkan realiti masyarakat Melayu khususnya di Malaysia. Peranan filem dalam menyebarluaskan maklumat kepada masyarakat amat berkesan kerana filem boleh ditonton berulang-ulang kali dan menjadi sumber rujukan. Pelbagai isu seperti wanita, patriotisme dan budaya telah diangkat menjadi tema. Hal ini termasuklah tema pewarisan harta pusaka seperti di dalam filem Tiga Abdul yang diarahkan oleh Tan Sri P. Ramlee. Filem ini telah memaparkan gelagat pewarisan harta pusaka yang menyentuh hubungan kekeluargaan,

harta dan sikap waris. Kajian ini mendapatkan, filem ini memaparkan dua konteks utama berkaitan pewarisan iaitu pengurusan dan perancangan harta pusaka. Dari sudut pengurusan harta pusaka, waris-waris tidak mempunyai pengetahuan berkaitan harta pusaka sehingga boleh menyebabkan sesetengah waris yang lain dizalimi. Pembahagian pusaka bagi umat Islam perlulah mengikut pembahagian yang telah ditetapkan iaitu pembahagian faraid. Pembahagian ini menjanjikan keadilan kepada semua waris. Walaupun terdapat elemen positif yang dipaparkan dalam filem ini seperti wasi menyegerakan pembahagian pusaka dan campur tangan pihak ketiga yang beranggapan telah berlaku ketidakadilan, namun dari sudut negatif, pembahagian pusaka yang tidak tepat boleh mendorong berlakunya pertelingkahan dalam kalangan waris. Pada masa yang sama, filem ini telah memaparkan kepentingan perancangan harta pusaka melalui pelantikan wasi dan pemberian semasa hayat. Pelantikan wasi sangat penting bagi memastikan urusan pentadbiran harta pusaka dapat dijalankan dengan lancar. Di samping itu, pemberian semasa hayat dapat membantu waris-waris tertentu untuk mendapatkan harta pusaka tanpa tertakluk kepada pembahagian selepas kematian. Kajian ini mencadangkan supaya pihak industri kreatif menghasilkan lebih banyak filem yang mengangkat isu pewarisan harta pusaka sebagai tema utama filem, kerana tema ini mempunyai kekuatan tersendiri untuk menarik perhatian penonton seperti yang dibuktikan dalam filem Tiga Abdul. Walau bagaimanapun isu-isu yang diangkat perlu dibuat kajian mendalam agar selari dengan realiti hukum dan undang-undang sedia ada. Hal ini dapat memberi kesedaran dan impak kepada masyarakat mengenai kepentingan pengurusan dan perancangan harta pusaka Islam.

Rujukan

- A. Hanafiah, A. R. (2006). Tiga Abdul Profesor Kursi P. Ramlee. In *The Malaysia Book of Records*. Didapati daripada www.journal.uta45jakarta.ac.id
- Ab Rahman, S., Md Khalid, R., Abd Razak, A., & Jaafar, A. B. (2018). Empowering Syariah court in the administration of Islamic inheritance according to the Malaysian Federalism framework. *Akademika*, 88(3), 113–125. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8803-10>
- Ab Rahman, S., Md Khalid, R., & Jaafar, A. B. (2019). Kajian keberkesanan undang-undang faraid di Malaysia. *Akademika*, 89(Special Issue 2), 77–91.
- Abd Wahab, N., Hashim, S., & Abd Ghani, N. A. (2019). What influence Muslims to make wills?: Insights into its determinants. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 16(1), 37–52. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v16i1.207>
- Abdul Kadir, F. R., & Hamzah, Z. A. Z. (2017). Ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 06, 13–24.
- Abdul Kadir, M. N. (2014). Pewarisan harta antara bukan Muslim dengan Muslim: Tinjauan baharu dalam aspek maqasid. *Malayan Law Journal*, 6(4), 1–7.
- Abdul Rahman, A. H., & Hassan, R. (2020). Islamic estate planning in Malaysia: The dilemma. *Journal of Islam in Asia*, 17(Special Issue: Islamic Banking and Finance 2020), 237–268.

- Abdul Rahman, M. F., Ngah, K., Mustaffa, J., Abdul Mutualib, R., & Hamzah, M. H. (2016). Delay in inheritance claim. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 2(3), 180–187. Didapati daripada gbse.com.my
- Abdul Rahman, N. S., Talib, H., Abd Ghani, N., Md Abdul Salam, N. Z., & Abd Rahman, N. S. (2018). Pengurusan tuntutan harta pusaka dalam kalangan masyarakat Islam: Kajian di Lembah Klang. *Journal of Muwafaqat*, 1(2), 96–117. Didapati daripada <http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>
- Abdullah, M. M., Awang, A. B., & Nor Muhammad, N. H. (2020). The mechanism of *wisayah* in estate planning: A literature review. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 20(1), 21–34.
- Abdullah, M. M., Awang, A. B., & Nor Muhammad, N. H. (2020). *Wisayah* dan amanah: Analisis perbandingan undang-undang Syariah dan Sivil dalam perancangan harta pusaka. *Jurnal Syariah*, 2(28), 157–188.
- Abdullah, M. M., M.Fariddudin, S. N. F., Nor Muhammad, N. H., & Awang, A. B. (2021). Islamic estate planning in the industrial revolution 4.0 era: Issues and challenges. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 9(2), 40. <https://doi.org/10.24191/jeeir.v9i2.12413>
- Abdullah, N. A. V., Muhd Shukri, F., & Mohd Rosdi, N. A. N. (2021). Relationship between nature and man in Tombiruo: Penunggu Rimba (2017). *Jurnal Pengajian Melayu*, 32(1), 105–117. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol32no1.7>
- Abdullah, N., Basir, F. A. M., Ariffin, A. M., Yusuff, N. D., & Hidayah, S. N. (2017). Contributing factors to will adoption among urban Muslims community in Klang Valley. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 5(4), 42. <https://doi.org/10.24191/jeeir.v5i4.8835>
- Abdullah, S., & Hamid, R. (2018). *Gelagat perkahwinan Melayu Islam menerusi filem P. Ramlee*. Sintok: UUM Press.
- Abu Bakar, A. H. (2015). Konsep tema “Islamik” dalam “Filem Islamik” Syurga Cinta 2009. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 167–185.
- Adli, A., & Mohamed Said, N. L. (2018). The necessity of witness in hibah application in Sharia Court. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 3(2), 20–27.
- Adnan, W. S., Ismail, I., & Ibrahim, M. (2020). Tolerasi beragama dalam filem Bajrangi Bhaijaan (2015). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 2020. Didapati daripada <http://www.bitarajournal.com>
- Ahmad, M. Y. (2017). Amalan muafakat dan aplikasi takharuj dalam pengagihan pusaka menurut perspektif undang-undang pusaka Islam. *Islamiyyat : International Journal of Islamic Studies*, 39(1), 21–28.
- Azhar, A. (2018). The practice of hibah in trust companies: A case study in As-Salihin Trustee Berhad. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5, 1–19.
- Azhar, A., & Md.Nor, M. Z. (2019). Hibah in the administration of ijtihadi elements and reality in Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 10(July), 103–119.
- Azmi, A. F., Nik Saleh, N. S. S., & Zakaria, M. Z. (2020). Jurisdictional conflicts in facing covid-19 pandemic: An analysis of hibah cases in Negeri Sembilan Syariah Courts. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 622–628.

- Barnard, T. P. (2009). Decolonization and the nation in Malay film, 1955-1965. *South East Asia Research*, 17(1), 65–86. <https://doi.org/10.5367/000000009787586415>
- Fazlul Haque, E. H. (2020, January 12). Harta RM70 bilion tergantung. *Harian Metro*. Didapati daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/534382/harta-rm70-bilion-tergantung>
- Halim, A. H., & Ahmad Bustami, T. A. (2017). Execution of hibah amanah as an instrument of Islamic property management in Malaysia. *Kanun*, 29(2), 90–115. Didapati daripada <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2017/08/hibah.pdf>
- Halim, A. H., Ahmad Bustami, T. A., Mohd Salim, W. N., & Mohd Yusoff, R. (2019). The administration of Muslim's and non-Muslim's ownerless estate (Bona Vacantia) in West Malaysia: An analysis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(16), 26–34. <https://doi.org/10.35631/ijlc.416003>
- Halim, A. H., Mohd Noor, N. A., & Mohd Salim, W. N. (2020). The execution of Muslim Wills (*Wasiyyah*) in Malaysia: A way to evade Islamic inheritance (fara'id). *Journal of Islam in Asia*, 17(3), 185–197.
- Hamzah, S. N., Rahamad@Ahamad, M. S., & Md Syed, M. A. S. (2020). Pencitraan keris sebagai kiasan keindahan budaya Melayu dalam filem Rahim Razali. *Ideology Journal*, 5(1), 165–178.
- Hasbullah, M., Ab Rahman, A., Ismail, A. M., Salleh, A. Z., Zakarian, M. Z., Musa, Z. M., ... Ab Ghani, N. A. (2021). Model pusat sehenti pengurusan harta pusaka Islam (faraid) the model of Faraid One-Stop Centre (FOSC). *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(1), 114–124.
- Hassan, F., & Yusoff, S. H. (2019). Membangunkan tema filem berunsur Islam melalui Filem Bisik Pada Langit. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 18(May), 94–109. Retrieved from www.journal.uta45jakarta.ac.id
- Hassan, R., & Mohamad Zaizi, N. A. (2020). The concept and application of hibah as a financial instrument from the Malaysian legal perspective: An analysis. *IIUM Law Journal*, 28(1), 227–252. <https://doi.org/10.31436/iumlj.v28i1.498>
- Hisham, H. T., & A. Rahman, S. H. (2018). What the industry players and audiences want? Trends and challenges of the Malay Film industry. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 15(OCT), 23–33.
- Hsieh, H. F., & Shannon, S. E. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277–1288. <https://doi.org/10.1177/1049732305276687>
- Isa, A., Othman, R., Azizan, N., & Mohd Daud, N. (2017). Factors inhibiting *wasiyyah* practice among Malay community. *International Journal of Management Research & Review*, 7(9), 2249–7196. Didapati dariapda www.ijmrr.com
- Kamarudin, M. K., & Nor Muhammad, N. H. (2017). Faktor pemberian hibah menurut perspekti pentadbir tanah. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 4(3–1), 22–31. <https://doi.org/10.11113/umran2017.4n3-1.250>
- Kamarudin, M. K., Suhaimi, M. H., Hisyam Nor Muhamad, N., Shakib Mohd Noor, S., Hehsan, A., Hussin, M. F. A., ... Zain, N. M. (2018). Roles of social media in disseminating

- inheritance estate management information. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(4), 1640–1648.
- Kamarudin, N. S., Mohd Hashim, A. J., Jamil, N. N., & Abdul Hadi, N. (2019). The conceptual framework of the intention on Islamic estate planning practice among Muslim entrepreneurs. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(20), 69–76.
- Kambol, R. (2019). Pengurusan harta orang Islam melalui hibah: Isu dan penyelesaian. *Journal of Law & Governance*, 2(1), 1689–1699.
- Lamiri, H., & Md Dawam, Z. (2020). Malaysia film posters from the perspective of Malay culture. *Gendang Alam*, 10(2), 177–195.
- Mat Abdullah, H. K., Ab Rahman, S., Md. Khalid, R., & Mat Abdullah, N. A. (2020). Perkembangan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 42–53.
- Md Noh, M., & Muhammad, M. (2021). Character portrayal and Malay women characters in Malay Classical Cinema during Studio Era: “Musang Berjanggut” (1959), “Tun Fatimah” (1962). *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 26–39.
- Md Yunus, M. (2021). Pengaruh Turki terhadap sosio-budaya dunia Melayu. *Journal Pengajian Melayu*, 32(1).
- Mohamad Rasit, R. (2012). The position of religious Malays items in Malaysia form the perspectives of Islamic da’wah. *Jurnal Al-Hikmah*, 4, 148–160.
- Mohamad Rasit, R., Hassan, M. S., Osman, M. N., & Shahkat Ali, M. S. (2011). Film as a medium of communication for Da’wah: Analysis of religious elements in selected Malay films. *Islamiyat The International Journal of Islamic Studies*, 33, 67–76.
- Mohamad Rasit, R., & Misrom, A. (2016). Analisis elemen patuh syariah dalam filem Nur Kasih The Movie (2011) berdasarkan teori filem Ar-Risalah. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 1–21.
- Mohamed, A., Taha, M., Jusoh, M. K. A., & Mohd Burhan, N. (2019). Wasiat wajibah: Satu sorotan terhadap enakmen wasiat orang Islam di Malaysia. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2(October), 124–140.
- Mohamed Said, N. L., Wan Ayub, W. A. A., Muda, M. Z., Yusoff, A. M., & Mohd Kashim, M. I. A. (2019). Trust in planning and management of Islamic property. *Islāmiyyāt*, 41(2), 71–79.
- Mohd Noor, N. A., Ismail, C. Z., Mohd Noor, N. A., & Mahamood, S. M. (2018). Harta wasiat orang Islam: Satu ulasan ringkas dari perspektif perundangan di Malaysia. *UiTMT E-Academia Journal*, 7(Special Issue), 39–46.
- Mohd Nor, A. H., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Baharuddin, A. S., & Hashim, H. (2018). Methodology of evidence in hibah cases in Malaysia Syariah Court: Review of cases in Jurnal Hukum. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(2), 31–40.
- Mohd Nor, N. A., & Abdullah, N. A. V. (2017). Filem sebagai wadah komunikasi: Sorotan kajian lepas karya U-Wei Haji Saari. *Jurnal Melayu, Isu(Khas)*, 304–317.
- Mohd Nor, N. A., & Abdullah, N. A. V. (2020). Kerangka-kerangka kajian lepas untuk meneliti protagonis wanita dalam filem Melayu. *Akademika*, 90(1), 25–37.

- Mohd Sa'afie, A., & Muda, M. Z. (2018). Guideline in preparing hibah document at the Shariah High Court. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 3(1), 1–7.
- Mohd Saufi, N. L. I., & Mohamed Said, N. L. (2020). Trust: Muslim property planning products in Wasiyyah Shoppe Berhad. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 131–140.
- Mohd Suharta, T. Z., & Ahmad, A. L. (2018). Nilai dimensi budaya: Suatu kajian analisis kandungan ke atas filem pecah panggung Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1–11.
- Mohd Yusuf, M. A., & Ibrahim, B. (2015). Institusi pendidikan Islam dan fungsinya sebagai sumber pengetahuan ilmu faraid dalam kalangan masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 10, 49–67.
- Mohd Zaki, N. E. A., & Wan Zainodin, W. H. (2020). P. Ramlee's cinematographic auteurship of cultural values representation in antara dua darjah and ibu mertua-ku. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 390–407. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3603-24>
- Muhd Shukri, F., & Abdullah, N. A. V. (2020). Perkembangan industri Filem Nasional Malaysia (1933 - 1989). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(August), 126–148.
- Mursidi, A., & Khairi, K. F. (2019). Determinants of individuals' intention in patronizing wasiyyah services in Malaysia. *Journal of Islamic Management Studies*, 2(2), 27–42.
- Nasrul, M. A., & Mohd Salim, W. N. (2018). Administration of estates in Malaysia: Determinant of factors behind the delay in the distribution of the deceased's asset. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(1), 75. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp75-86>
- Nik Wajis, N. R., Abdul Mutalib, L., Ab Rahman, A., Mohammad Sahid, M., Nik Saleh, N. S. S., Mohd Rusli, M. H., ... Ahmad, A. S. (2018). Unclaimed property: Factors and solutions. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(June), 129–142. <https://doi.org/10.12816/0051395>
- Noordin, N. H., Ismail, M. I., Abd Rahman, M. A. H., Haron, S. N., & Abdullah, A. (2016). Re-evaluating the practice of hibah trust in Malaysia. *Humanomics*, 32(4), 418–436. <https://doi.org/10.1108/H-05-2016-0044>
- Nor Muhamad, N. H. (2017). Bequest as an instrument for Islamic wealth planning: Procedure and application. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 9(1), 17–32. <https://doi.org/10.17576/JH-2017-0901-02>
- Opir, H., Yusof, M., Abdullah, L., Siren, N., Md Yusoff, Y., & Abdullah, W. Y. (2017). Pembinaan kriteria filem patuh Syariah di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 12, 71–91.
- Robertson, J., Lord Ferguson, S., Eriksson, T., & Näppä, A. (2019). The brand personality dimensions of business-to-business firms: A content analysis of employer reviews on social media. *Journal of Business-to-Business Marketing*, 26(2), 109–124. <https://doi.org/10.1080/1051712X.2019.1603354>
- Romli, S., & Mat Zain, M. N. (2020). Wisayah dalam peruntukan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004. *Journal of Law & Governance*, 3(1), 28–41. Didapati daripada <https://doi.org/10.1016/j.sciaf.2019.e00146>

- Saimon, A. (2021). Lakuan pertuturan dalam filem Nordin Ahmad. *BITARA International Journal of Civilisational Studeis and Human Sciences*, 4(1), 33–52.
- Sulong, J., & Ismail, Z. (2020). Pengajian ilmu faraid di Malaysia: Kajian penawaran kursus di institusi pengajian tinggi terpilih. *The Online Journal of Islamic Education*, 8(1), 40–50.
- Tajul Urus, N. S., Yusoff, M., Salleh, M., Muhammad Serji, R., & Mohd Yusof, N. (2020). Jointly acquired and heritage property in the context of FELDA's new model strategy: A family heritage innovation plan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(2), 193–218.
- Yusof, A., Abd Rahim, R. A., Abdul Kadir, N. A., & Md Dahlal, N. H. (2010). Konsep feminism Islam di dalam filem Ketika Cinta Bertasbih. *Jurnal Al-Tamaddun*, 5, 131–147.
- Yusoh, M. H., & Aziz, J. (2017). Filem berunsurkan Islam: Satu pendefinisian. *E-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 248–260.
- Yusoh, M. H., & Aziz, J. (2018). Pemerkasaan watak wanita dalam filem berunsurkan Islam: Kajian kes “Ketika cinta Bertasbih.” *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1), 140–160. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1801-09>
- Yusoh, M. H., Aziz, J., & Ahmad, A. L. (2018). Pendefinisian filem berunsurkan Islam dan pemerkasaan watak wanita dalam filem 'Perempuan Berkalung Sorban'. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4), 1–18. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3404-01>
- Zainal Abidin, M. M., & Mohamad Rasit, R. (2018). Analisis mesej dakwah dalam filem Munafik (2016). *Fikiran Masyarakat*, 6(1), 23–29.
- Zulkafli, B. N. A., & Ahmad, M. Y. (2016). Kekangan dan penyelesaian kelewatan pengurusan aset pusaka tak alih orang Islam di Malaysia. *Islamiyyat : International Journal of Islamic Studies*, 38(1), 53–63.